



Hari ini Wakil daripada Anggota Tentera Malaysia yang menginap di Mutiara Inn, Politeknik Seberang Perai telah menyerahkan semula kunci kerana telah tamat tempoh bertugas.

Mereka telah ditempatkan di sini untuk menjalankan tugas sebagai barisan hadapan yang bertugas di sekatan jalan raya (SJR) sekitar Seberang Perai Tengah. Turut hadir Pengarah PSP, Sr. Harith Fadzilah bin Abd Khalid.

Alhamdulillah, PSP juga berasa gembira kerana dapat turut serta membantu negara memerangi Covid-19 dengan menyediakan tempat penginapan bagi pasukan Frontliner ini bertugas bermula 31 Mei 2021 hingga 30 September 2021.